

18 JAN 1999

MAHATHIR TERIMA KUNJUNGAN HORMAT PANGLIMA ATM

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menerima kunjungan hormat Panglima Angkatan Tentera yang baru, Jen Datuk Seri Mohd Zahidi Zainuddin di pejabat beliau di sini.

Jen Mohd Zahidi, 50, yang sebelum ini memegang jawatan Panglima Tentera Darat dilantik ke jawatan barunya pada 1 Jan lepas.

Beliau menggantikan Jen Tan Sri Ismail Omar yang bersara Disember lepas.

Jen Mohd Zahidi pernah bertugas sebagai Ketua Pasukan Pemerhati Gencatan Senjata Iran-Iraq Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (Unimog) pada 1988.

-- BERNAMA

ES MAI